



 Alibaba Cloud

Untuk Siaran Segera

ALIBABA CLOUD BAWA PENGALAMAN UNIK BERTEKNOLOGI CANGGIH KEPADA TAMAN TEMA GENTING SKYWORLD'S

Virtual Queue Solution dikuasakan AI memberikan pengalaman hiburan yang lancar dan menarik kepada para pengunjung melalui aplikasi mudah alih Genting SkyWorlds

Genting Highlands, 30 Jun 2022 – Alibaba Cloud, teras teknologi dan kepintaran Alibaba Group, telah bekerjasama dengan Taman Tema Genting SkyWorlds untuk menghasilkan *Virtual Queue (VQ) Solution* dikuasakan Kecerdasan Buatan (AI) yang pertama di rantau ini yang menggunakan teknologi awan terkini untuk menyampaikan pengalaman yang lancar dan menarik kepada para pengunjung melalui aplikasi mudah alih Genting SkyWorlds.

VQ Solution Alibaba Cloud menggunakan AI untuk membolehkan pengurusan pengunjung yang lebih cekap dan mengurangkan masa menunggu secara dinamik. Tempahan VQ menggunakan algoritma AI yang maju dan risikan masa nyata dari masa menunggu permainan sehingga pemprosesan. Penyelesaian ini membolehkan pasukan operasi mengawal pergerakan para pengunjung dengan lebih baik dan mengoptimumkan kapasiti permainan. Dengan penyelesaian Alibaba Cloud untuk Genting SkyWorlds, taman tema ini akan dapat mengendalikan jumlah pengunjung yang lebih tinggi, dan mengurus trafik yang berlebihan dengan selamat melalui platform awan.

“Kami berterima kasih di atas kolaborasi ini bersama Alibaba Cloud kerana menjadikan Genting SkyWorlds taman tema pertama di Asia Tenggara yang menampilkan teknologi VQ yang canggih, membolehkan para pengunjung untuk melangkaui barisan yang panjang serta bebas memilih aktiviti yang digemari dan pada masa yang ditetapkan oleh mereka sendiri. Dengan adanya sistem VQ bersepadu dalam aplikasi mudah alih ini, para pengunjung boleh mendapatkan akses kepada ciri-ciri menarik, termasuk menempah ruang waktu untuk permainan, tarikan dan persembahan hiburan pada masa yang ditetapkan, mencipta kumpulan masuk bersama bagi pemegang tiket berkumpulan, melihat jadual kunjungan yang dicadangkan berdasarkan pilihan peribadi dan menerima notifikasi masa nyata untuk tempahan VQ,” kata **Encik Greg Pearn, Naib Presiden, Ketua – Operasi Taman Tema, Resorts World Genting**.

“Alibaba Cloud telah mendapat pengiktirafan antarabangsa bagi inovasinya dan kami berasa amat teruja untuk memulakan ‘pengembawaan’ ini bersama Genting SkyWorlds. Sistem VQ ini telah dicipta khas untuk Genting SkyWorlds dengan menggunakan teknologi awan kami yang canggih, teguh dan selamat untuk melengkapkan pengalaman taman tema yang luar biasa kepada setiap pengunjung, dengan lancar dan efektif, sambil memastikan mereka mengekalkan hubungan sosial dengan selamat,” kata **Kun Huang, Pengurus Besar Malaysia, Alibaba Cloud Intelligence**.

Diantaranya dalam aplikasi mudah alih Genting SkyWorlds, VQ dan khidmat Perancang Jadual Lawatan yang dikuasakan oleh Alibaba Cloud membolehkan para pengunjung membuat tempahan ruang waktu yang diingini untuk permainan, tarikan dan persembahan serta merancang arurara lawatan mereka dengan mudah di taman tema sebelum tarikh ketibaan mereka.



Para pengunjung yang kerap menggunakan aplikasi mudah alih dan mengikuti jadual perjalanan yang disyorkan akan menerima ganjaran seperti baucar diskaun dan tempahan VQ tambahan. Ini dijayakan oleh fungsi Perancang Jadual Lawatan yang bertindak sebagai pembantu peribadi pintar kepada para pengunjung dan direka untuk merumuskan pengembaraan peribadi sehari-hari di Genting SkyWorlds. Dikuasai oleh teknologi pintar Alibaba Cloud, Perancang Jadual Lawatan berkemampuan untuk menghasilkan jadual lawatan dengan hanya satu sentuhan. Para pengunjung yang membeli tiket di luar talian juga boleh memuat turun aplikasi mudah alih ini semasa ketibaan atau menggunakan kiosk VQ dalam taman tema untuk menikmati pengalaman ini.

Dengan penyelesaian berdasarkan awan Alibaba Cloud yang telah terbukti, Genting SkyWorlds mampu mencipta satu pengalaman yang unik kepada para pengunjung meraikan percutian, acara istimewa dan hari keluar yang menyeronokkan. Aplikasi mudah alih rasmi Genting SkyWorlds kini tersedia untuk dimuat turun secara percuma melalui *Google Play Store* dan *Apple App Store*. Berfungsi sebagai elemen tunggal yang penting dan komprehensif di Genting SkyWorlds untuk mendapatkan maklumat secara langsung dalam masa nyata dan membolehkan para pengunjung untuk mengemudi serta menikmati taman tema dengan lebih efektif.

-TAMAT-

Mengenai Alibaba Cloud

Ditubuhkan pada tahun 2009, Alibaba Cloud (www.alibabacloud.com) adalah tunjang teknologi digital dan risikan bagi Kumpulan Alibaba. Ia menawarkan penyelesaian perkhidmatan awan lengkap kepada pelanggan di seluruh dunia, termasuk pengkomputeran elastik, pangkalan data, penyimpanan, perkhidmatan virtualisasi rangkaian, pengkomputeran berskala besar, sekuriti, perkhidmatan pengurusan dan aplikasi, analisis data besar, platform pembelajaran mesin dan perkhidmatan IoT. Alibaba mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju penyedia perkhidmatan IaaS awan awam ketiga di dunia sejak 2018, menurut IDC. Alibaba adalah peneraju penyedia IaaS ketiga di dunia dan peneraju utama dalam Asia Pasifik berdasarkan pendapatan dalam dolar AS. sejak 2018, menurut Gartner.

Alibaba is the world's third leading and Asia Pacific's leading IaaS provider by revenue in U.S. dollars since 2018, according to Gartner.

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia Berhad (GENM) adalah salah sebuah syarikat utama dalam bidang riadah dan perhotelan di dunia. Tersenarai di Bursa Malaysia, GENM memiliki dan mengendalikan pusat peranginan utama termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia, Resorts World Casino New York City dan Resorts World Catskills (yang dimiliki 49% melalui sebuah syarikat bersekutu) di Amerika Syarikat (US), Resorts World Bimini di Bahamas, Resorts World Birmingham dan lebih daripada 30 buah kasino di United Kingdom (UK) dan Crockfords Cairo di Mesir.

Dengan anggaran 10,500 bilik daripada tujuh buah hotel yang berbeza, RWG adalah destinasi peranginan berintegrasi terulung di Malaysia. Pusat peranginan ini juga menampilkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan, termasuk perjudian, taman tema dan hiburan, kedai makanan dan peruncitan, dan juga kemudahan untuk persembahan antarabangsa dan persidangan perdagangan.



Genting Highlands Premium Outlets (kerjasama di antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) yang terletak di pertengahan bukit dan Genting SkyWorlds, taman tema kelas pertama bertaraf antarabangsa, melengkapkan tawaran premium RWG yang luas dan mengukuhkan kedudukannya sebagai penyedia utama riadah dan hiburan di rantau ini.

GENM merupakan ahli Kumpulan Genting, salah sebuah syarikat multinasional utama yang mempunyai pengurusan terbaik di Asia. Kumpulan Genting dipimpin oleh Tan Sri Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah mengukuhkan jenama Resorts World sebagai peneraju utama dalam sektor riadah dan perhotelan di Malaysia, Singapura, Filipina, Amerika Syarikat, Bahamas dan United Kingdom. Tan Sri Lim Kok Thay juga mempunyai pelaburan yang strategik di dalam industri global yang lain termasuk ladang kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjanaan kuasa, minyak dan gas dan bioteknologi.

Mengenai Taman Tema Genting SkyWorlds

Taman Tema Genting SkyWorlds adalah taman tema yang paling dinanti-nantikan di Asia Tenggara. Sebagai sebahagian dari barisan hiburan bersepadu Resorts World Genting, taman tema luar ini dibina di atas tanah seluas 26 ekar dan mempunyai 26 permainan dan tarikan yang sesuai untuk seisi keluarga dan pengunjung dari semua peringkat umur. Taman Tema Genting SkyWorlds bakal membawa para pengunjung mengembara ke sembilan ‘dunia’ yang diinspirasikan dari filem dan pengembalaan – Eagle Mountain, Central Park, Liberty Lane, Robots Rivet Town, Andromeda Base, Ice Age, Studio Plaza, Epic dan Rio. Setiap ‘dunia’ akan menampilkan pelbagai permainan dan tarikan yang dirancang dan dicipta untuk menyemarakkan daya imaginasi melalui pengalaman imersif. Kunjungan ini akan dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan membeli-belah, menjamu selera serta hiburan yang unik dan menyeluruh untuk seisi keluarga.

Untuk maklumat lanjut mengenai Taman Tema Genting SkyWorlds, sila layari www.gentingskyworlds.com atau ikuti laman media sosial kami di [Facebook](#), [Instagram](#), [YouTube](#), dan [Twitter](#).

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Resorts World Genting

Kristine Lim

Assistant Vice President, Marketing

T +603 2333 3263

kristine.lim@rwgenting.com

Alibaba Group

Gabbie Fu

M +86 156 01804303

funi.fn@alibaba-inc.com

Jade Tan

Manager - Social, Digital, & PR

T +603 6105 9351

jade.tan@rwgenting.com

Arcis Communications

Michelle Wong

M +6013 589 7111

mwong@arciscommunication.com